



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 13 Tahun 2012

KEBENARAN KE LUAR NEGARA SEMASA DALAM TEMPOR CUTI BELAJAR BAGI PEMEGANG BIASISWA STAF ATAU TENAGA PENGAJAR MUDA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Permohonan Kebenaran Ke Luar Negara Semasa Dalam Tempoh Pengajian Bagi Pemegang Biasiswa Staf atau Tenaga Pengajar Muda (TPM) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) dalam Mesyuarat ke-253 pada 29.05.2012 telah membuat keputusan berkenaan permohonan ke luar negara atas urusan peribadi semasa dalam tempoh cuti belajar.

3. Permohonan ke luar negara atas urusan peribadi semasa dalam tempoh cuti belajar hendaklah mengikut prosedur seperti berikut:

- i. Membuat permohonan 2 bulan sebelum ke luar negara;
- ii. Mendapat kebenaran penyelia;
- iii. Mendapat kebenaran Dekan Fakulti/Rektor;
- iv. Tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor bagi staf UiTM;
- v. Tertakluk kepada kelulusan penaja (Kementerian Pengajian Tinggi/ Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) /Agensi Luar);
- vi. Kelulusan ke luar negara atas tujuan peribadi tidak dijadikan alasan untuk menangguhkan pengajian atau melanjutkan pelajaran;

vii. Sekali sahaja dalam tempoh pengajian manakala permohonan kedua akan dibentangkan ke Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) untuk mendapatkan keputusan; dan

viii. Merujuk Senarai Semak Permohonan Menghadiri Persidangan, Seminar dan Lawatan Rasmi/Persendirian ke Luar Negara (dimuat turun melalui Portal Canseleri)

4. Pelaksanaan proses permohonan ke luar negara atas urusan peribadi bagi pemegang biasiswa adalah seperti berikut:

Tempoh	Urusan/Bidang Kuasa
Kurang atau 14 hari	Pengurusan diperingkat Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) dengan syarat memenuhi keperluan prosedur yang ditetapkan di para 2 sebelum dimajukan kepada penaja
Melebihi 14 hari	Permohonan lengkap dan memenuhi prosedur yang ditetapkan untuk keputusan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) sebelum dimajukan kepada penaja

TUJUAN PELAKSANAAN

4. Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pemegang biasiswa berkenaan tatacara permohonan ke luar negara atas urusan peribadi semasa dalam tempoh cuti belajar .


5. Panduan ini turut digunakan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) sebagai dokumen rujukan dalam menguruskan permohonan ke luar negara atas urusan peribadi semasa dalam tempoh cuti belajar bagi memastikan setiap permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 29 Jun 2012.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2012.



PROF. DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(JPbSM.64)
Tarikh : 29 Jun 2012